

'Objek tak dikenali' kongsi laluan komersial

Kuala Lumpur: Pesawat Penerbangan MH370 dikesan radar tentera, tetapi hanya dikenali sebagai 'objek tidak dikenali' dan berkemungkinan berkongsi laluan sama dengan pesawat komersial lain.

Ini adalah kerana selepas transponder dimatikan, radar kawalan trafik udara (ATC) gagal mengesan identiti pesawat terbabit.


Menurut Pensyarah di Jabatan Kejuruteraan Aeroangkasa, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Leftenan Kolonel (B) Mohd Ramly Mohd Ajir, keadaan terbabit boleh berlaku.

"Bagaimana MH370 boleh mengelak dikesan radar tentera?"

"Mungkin dikesan, tapi tak dapat dikenal pasti kerana pesawat itu melalui 'airways' yang sedia diguna semua penerbangan antara bangsa,"katanya.

Mohd Ramly berkata menegaskan radar tentera tidak dapat mengenal pasti identiti pesawat terbabit secara terperinci.

"Saya umpamakan pesawat terbabit dengan kenderaan di lebuh raya di mana hanya nombor plat sahaja dapat membezakan setiap kenderaan.



“ Kebiasaannya objek tidak dikenali itu tidak diendahkan pihak ketenteraan selepas dikenal pasti sebagai pesawat komersial”

Mohd Ramly

"Dalam kes MH370, nombor platanya hanya boleh dikesan radar ATC. Tapi transponder dlm pesawat dah dimatikan, jadi radar ATC tak mengesannya.

"Kebiasaannya objek ti-

dak dikenali itu tidak diendahkan pihak ketenteraan selepas dikenal pasti sebagai pesawat komersial.

"Pihak tentera tidak akan menyiasat kerana tumpuan radar tentera ialah lebih kepada ancaman berbentuk ketenteraan kepada negara,"katanya ketika dihubungi, semalam.

Sementara itu bekas kapten pesawat Boeing 747 syarikat penerbangan Korea selatan, Kapten Najib Abdullah, 61, berkata, sepanjang dia berkhidmat, perkara terbabit memang boleh berlaku.

"Saya tidak menolak ke-

mungkinan juruterbang terbang berkongsi laluan dengan pesawat lain selepas transponder dimatikan.

"Ini adalah kerana hanya radar ATC sahaja yang boleh mengenal pasti jenis pesawat komersial di udara dan di landasan," kata Najib yang mempunyai 39 tahun pengalaman sebagai juruterbang menegaskan jika transponder dimatikan, maka pesawat terbabit tiada identiti.

"Dan sekalipun dikesan radar tentera, mereka hanya mengenali sebagai objek pesawat komersial sahaja,"katanya yang mempunyai 27,000 jam penerbangan.